

9 elemen penyeri identiti N. Sembilan

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Sebanyak sembilan elemen disifatkan menjadi penyeri kepada identiti Negeri Sembilan sekali gus mencerminkan kekayaan dan kepelbagaian adat serta budaya yang dimiliki negeri berkenaan.

Sembilan identiti itu termasuklah Adat Perpatih, Rumah Tradisional Bumbung Panjang, Gulai Kuning, Bunga Lada selain Gasing Negeri Sembilan dan Dam Harimau.

Identiti unik itu turut merangkumi elemen Caklempong, Tarian Piring Lambung, Enam Lagu Terbitan Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan serta Empat Busana Negeri Sembilan.

Menurut Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, Adat Perpatih yang diamalkan berbeza dengan Adat Minangkabau memandangkan ia merupakan asimilasi tiga adat utama iaitu Adat Tuah Disakato daripada Alam Minangkabau, Adat Langgan Baru Siak dan Adat Benar Orang Asli Negeri Sembilan.

"Pada masa ini, pengamal Adat Perpatih sebahagian besarnya adalah masyarakat Melayu di Negeri Sembilan (kecuali Port Dickson) selain Nanning di Melaka dan beberapa kawasan di Johor serta Selangor.

"Adat Perpatih adalah satu sistem unik yang membezakannya dengan masyarakat lain yang mana bercirikan Islam, pemimpin dan kepimpinan, persempadanan adat dan luak selain kekerabatan matrilineal serta persukuan," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, identiti kedua yang meliputi aspek seni bina iaitu Rumah Tradisional Bumbung Panjang pula memberi lambang pengalaman budaya Adat Perpatih oleh masyarakat Negeri Sembilan.

Jelasnya, ciri-ciri seni bina itu



RUMAH tradisional Bumbung Panjang yang menjadi lambang kebanggaan masyarakat di Negeri Sembilan.

merangkumi gabungan alam bina Minangkabau dan Melayu Riau khususnya Bangkahulu dengan masyarakat tempatan atau Orang Asli selain menerapkan motif ukiran seperti pucuk rebung, ayam berlaga serta geometri.

"Selain itu, bagi identiti ketiga iaitu Gulai Kuning yang berada dalam kategori makanan tradisional pula, ia merupakan masa-

kan yang dimasak menggunakan beberapa bahan utama seperti santan, cili padi kampung serta kunyit," katanya.

Bagi identiti keempat, ia menyetengahkan elemen Bunga Lada atau Lado dalam sebutan masyarakat setempat yang mana flora itu melambangkan keunikan yang terdapat di Negeri Sembilan.

Antara ciri-ciri Bunga Lada

adalah berwarna putih, mempunyai kelopak daun, memiliki lima kelopak bunga dan lima stamen selain turut mengandungi stigma.

Jelasnya, Gasing Negeri Sembilan pula menterjemahkan identiti kelima melalui kategori permainan tradisional dan dipercayai telah dimainkan masyarakat setempat sejak sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan lagi.

Dalam pada itu, muzik Caklempong yang dikatakan berasal dari Sumatera Barat dan dibawa oleh Orang Minangkabau ke Negeri Sembilan pada awal abad ke-14 turut diangkat sebagai identiti keenam melalui kategori muzik.

"Tarian Piring Lambung yang melambangkan sikap satu hati dan persepakatan kerana memerlukan persefahaman antara pasangan tarian turut disenaraikan sebagai identiti ketujuh Negeri Sembilan.

"Konsep tarian itu perlu berpasangan iaitu sekurang-kurangnya empat orang atau lebih. Gerak tariannya perlu seiring dengan lambungan piring serta memerlukan kepakaran serta kecekapan yang tinggi," katanya.

Seterusnya, bagi identiti kelapan, ia merangkumi enam lagu beridentiti Negeri Sembilan seperti Moh Dogheh (Aishah), Orang Kito (Ito), Lambaian Negeri (Aishah), Pepatah Petitih (Ewal), Nogori (Waghah) dan Dirgahayu Yang di-Pertuan Besar (Fitri).

Sebagai penutup, identiti kesembilan pula menceritakan tentang Empat Busana Negeri Sembilan iaitu Baju Melayu Cekak Musang, Baju Kurung Ibu Suko, Baju Kebaya Setengah Tiang serta Baju Kurung Pengantin Negeri Sembilan.



Adat Perpatih adalah satu sistem unik yang membezakannya dengan masyarakat lain yang mana bercirikan Islam, pemimpin dan kepimpinan, persempadanan adat dan luak selain kekerabatan matrilineal serta persukuan."



AMINUDDIN (depan, tengah) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Mohd. Zafir Ibrahim (depan, kanan) menyantuni Ibu Soko yang hadir pada Perpatih Fest di Seremban baru-baru ini.



Setulus ikhlas daripada



YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun
Menteri Besar Negeri Sembilan
Kerajaan Negeri dan Seluruh Rakyat
Negeri Sembilan Darul Khusus